



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 16 DISEMBER 2025**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	JANGAN TERJERAT TAKTIK SCAMMER GUNA NAMA KPKM, NEGARA, KOSMO, M/S – 12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	'OVER THREE MILLION HEAD OF CATTLE NEEDED BY 2040', BUSINESS TIMES, NEW STRAITS TIMES, M/S – 5	
3.	MALAYSIA PERLU TIGA JUTA LEMBU, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 2	
4.	MANIPULASI BEKALAN PUNCA HARGA IKAN MELAMBUNG, MUKA HADAPAN, BERITA HARIAN, M/S – 1	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
5.	MANIPULASI PEMBORONG ANTARA PUNCA HARGA IKAN MELAMBUNG, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 7	
6.	INFOGRAFIK 'IKAN RAKYAT' BANTU STABILKAN HARGA, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 7	
7.	PREPARE PLAN OF ACTION TO KEEP ANIMALS SAFE DURING FLOODS, VIEWS, THE STAR, M/S – 14	LAIN-LAIN
8.	BANJIR TERMENUNG PAKSA PETANI ANGKUT KELAPA GUNA SAMPAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	
9.	MALAYSIA TAK CUKUP LEMBU, MUKA HADAPAN, BERITA HARIAN, M/S – 1	
10.	RAMAI PENTERNAK TEMPATAN TIDAK TUMPU ASPEK PEMBIAKBAKAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 2	
11.	SEGERAKAN INTEGRASI DI LADANG SAWIT, CADANGAN MAMPU GANDAKAN TAHAP SARA DIRI DAGING NEGARA, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 3	
12.	KERAJAAN DISARAN URUS PEMBIAKAN BAKA LEMBU, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 3	
13.	MINAT MEMBELA LEMBU SEMAKIN MEROSOT, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 3	
14.	PENIAGA KECIL 'JANTUNG' EKONOMI YANG SEMAKIN TENAT, RENCANA, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 15	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Jangan terjerat taktik scammer guna nama KPKM

PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengingatkan orang ramai dan syarikat supaya berwaspada terhadap penipuan tender yang menggunakan nama kementerian itu bagi memperdaya mangsa.

Menyerinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, mana-mana pihak yang mendakwa kononnya memperoleh tender KPKM

tidak seharusnya diterima secara bulat-bulat tanpa membuat semakan lanjut terlebih dahulu.

"Jika ada pihak yang mendakwa mereka mendapat tender KPKM atau meminta sumbangan kewangan atas nama kementerian, jangan mudah percaya.

"Sila semak melalui saluran rasmi dan buat laporan kepada pihak polis dengan kadar segera

sekitarnya menjadi mangsa," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, sektor pertanian kini perlu bergerak seiring dengan penggunaan teknologi moden bagi memastikan hasil yang lebih berkualiti dan konsisten.

Menurut beliau, penggunaan sistem seperti fertigasi mampu membantu petani mengawal

bekalan air dan baja dengan lebih tepat sekali gus meningkatkan produktiviti tanaman.

"Apabila turun ke ladang dan melihat sendiri tanaman yang diusahakan secara moden, saya yakin pertanian masa kini mesti menggunakan teknologi.

"Jika dibuat dengan betul, pertanian boleh menjadi sumber pendapatan yang stabil," katanya.

Beliau turut menggalakkan petani dan golongan muda supaya berani mencuba teknologi baharu, mempelajari kaedah moden serta memanfaatkan sokongan dan bantuan yang disediakan kerajaan.

"Insyaa-Allah, apabila ilmu, usaha dan teknologi digabungkan, tanah yang kecil pun mampu memberikan hasil yang besar," kata beliau.

16/12/2025

NEW
STRAITS
TIMESBUSINESS
TIMES

5

DOMESTIC DEMAND

'Over three million head of cattle needed by 2040'

KUALA LUMPUR: Malaysia will need more than three million head of cattle by 2040 to meet domestic meat and dairy supply needs, said Agriculture and Food Security Ministry secretary-general Datuk Seri Isham Isahak.

He said the ministry plans to strengthen the agri-food sector through the application of modern technologies such as artificial intelligence (AI) and drones.

"We see the self-sufficiency ratio reaching 50 per cent by 2030," he said on the "Apa Khabar Malaysia: Madani Perkasa Pertanian, Kukuh Ekonomi Negara" programme on Bernama TV.

He said breeding programmes, cattle import and feedlot schemes are being implemented to achieve this goal.

Isham said to support the poultry and ruminant farming industries sustainably, the ministry will develop the grain corn sector to reduce dependence on imported livestock feed.

He said Malaysia previously imported 100 per cent of grain corn, but this year, the country has begun planting grain corn, with a production target of 1.25 million tonnes per year for animal feed.

On the 2026 Budget, Isham

said the allocation provided reflects the government's commitment to the agricultural sector.

"Agricultural subsidies are important to stabilise food prices, guarantee supply and ensure the survival of farmers and fishermen."

The government has allocated RM6.87 billion to the agriculture sector, an increase of seven per cent compared with the previous year, to strengthen food security in the face of climate change and global supply chain disruptions.

Isham said the involvement of youth in the agriculture sec-

tor was important to ensure the continuity of the country's food security agenda.

He said through various grant schemes and entrepreneurial support, almost 4,000 agri-entrepreneurs have been established, with more than 30 per cent earning an income of more than RM5,000 per month.

He also said the Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Exhibition 2026 will be a platform to attract investments, foster strategic collaborations and introduce value-added technologies to strengthen the agricultural ecosystem. Bernama



Malaysia perlu tiga juta lembu

Penuhi keperluan menjelang tahun 2040, berbanding tahun ini sebanyak 886,000 ekor

LAPORAN MUKA DEPAN

KUALA LUMPUR - Malaysia memerlukan lebih tiga juta ekor lembu menjelang tahun 2040 bagi memenuhi keperluan bekalan daging dan tenusu domestik, kata Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Isham Ishak.

Beliau berkata, pembangunan industri ruminan negara menjadi antara fokus utama KPKM dalam perancangan jangka panjang untuk

memperkuh sektor agromakanan melalui penerapan teknologi moden seperti kecerdasan buatan (AI) dan dron bagi meningkatkan produktiviti sektor itu.

"Dalam tempoh 2021 sehingga 2025, kami melihat sumbangan sektor ini agak besar dan untuk masa depan kami melihatkan kadar sara diri (SSR) nak capai 50 peratus pada 2030.

"Pada tahun ini, kita ada lebih kurang 886,000 ekor lembu tapi pada 2030 kita perlu lebih tiga juta ekor lembu untuk memastikan agenda keterjaminan makanan itu dicapai, terutama dalam sektor ruminan negara," katanya ketika menjadi tetamu program Apa Khabar Malaysia: MADANI Perkasa Pertanian, Kukuh Ekonomi Negara yang disiarkan di Bernama TV pada Isnin.

Isham berkata, pelbagai inisiatif termasuk program pembiakan baka, pengimportan lembu dan skim fidlot sedang dilaksanakan bagi mencapai tujuan berkenaan.

Selain itu, ujar beliau, bagi me-



Bilangan tiga juta lembu diperlukan untuk memastikan agenda keterjaminan makanan tersebut dapat dicapai - Gambar hiasan



ISHAM

nyokong industri ternakan ayam dan haiwan ruminan secara mampan, kementerian turut menumpukan pembangunan sektor jagung bijian khususnya bagi mengurangkan kebergantungan kepada import makanan ternakan.

Beliau berkata, sebelum ini Malaysia mengimport 100 peratus jagung bijian, namun pada tahun

ini negara memulakan penanaman dengan sasaran pengeluaran kira-kira 1.25 juta tan setahun bagi kegunaan makanan haiwan.

Menurutnya, pendekatan itu sejajar dengan agenda keterjaminan makanan negara yang memerlukan perancangan bersifat jangka panjang dan berteraskan inovasi antaranya menerusi kerjasama dengan negara luar termasuk dalam pertukaran teknologi dan amalan pertanian selain memastikan rantai bekalan. - Bernama

IMPORT LEMBU MALAYSIA MENGIKUT NEGARA

NEGARA SUMBER	JENIS IMPORT	KEGUNAAN UTAMA
Australia	Lembu hidup, daging lembu	Fidlot tempatan, pasaran runlit, industri makanan
Thailand	Lembu hidup, daging lembu	Pasaran sempadan, bekalan kos sederhana
India	Daging kerbau (bukan daging lembu)	Industri pemprosesan, makanan berharga rendah
Pakistan	Daging lembu, daging kerbau	Industri makanan dan borong
Brazil	Daging lembu sejuk beku	Pemprosesan, pasaran borong
New Zealand	Daging lembu	Hotel, restoran dan pasar raya premium

* Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Malaysia / Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/12/2025	BERITA HARIAN	MUKA HADAPAN	1

Manipulasi bekalan punca harga ikan melambung

LAPORAN KHAS

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dedah kenaikan harga ikan sehingga 45 peratus ketika ini bukan disebabkan musim tengkujuh atau kekurangan hasil tangkapan nelayan, sebaliknya lebih kepada manipulasi bekalan oleh pemborong, peniaga yang mengambil kesempatan terhadap sikap pengguna cenderung membeli ikan mengikut selera tanpa menyesuaikan pilihan mengikut musim tangkapan. *Oleh Mahani Ishak → Nasional 7*



Manipulasi pemborong antara punca harga ikan melambung

Bekalan disimpan ketika banyak, hanya keluarkan ketika stok berkurangan

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Puchong: Kenaikan harga ikan di negara ini, bukan berlaku disebabkan musim tengkujuh atau kekurangan hasil tangkapan nelayan semata-mata, tetapi turut berpunca daripada manipulasi pasaran oleh sebahagian pemborong.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil, berkata nelayan tetap ke laut mengikut keadaan cuaca, namun pemborong menyimpan bekalan yang banyak sebelum mengeluarkannya ketika stok kurang, menjadi antara punca utama harga melambung.

"Pemborong memborong bekalan ketika musim ikan melimpah dan menyimpannya dalam 'bilik sejuk', kemudian mengeluarkannya ketika bekalan pasaran kurang sambil mengambil kesempatan menaikkan harga.

"Hakikatnya bekalan itu sudah ada, cuma dikeluarkan secara berperingkat untuk mengambil kesempatan atas sentimen pas-

ran," katanya dalam temubual bersama BH di Wisma LKIM, di sini, baru-baru ini.

Harga ikan lazimnya meningkat di antara 30 peratus hingga 45 peratus berikutan perubahan cuaca Monsun Timur Laut yang bermula pertengahan November dan berlanjutan hingga Mac depan.

Sebagai contoh, harga ikan kembung bersaiz besar di ibu negara sebelum ini dalam lingkungan RM17 hingga RM18 sekilogram di kebanyakan pasar raya, kini meningkat kepada di antara RM23 hingga RM25 sekilogram.

Aktiviti tangkapan terjejas

Sementara itu, harga ikan tenggiri batang yang sebelum ini dijual pada harga RM30 hingga RM35 sekilogram, kini mencecah sehingga RM38 sekilogram.

Muhammad Faiz berkata, berdasarkan data beberapa tahun sebelum ini, peningkatan harga ikan dalam pasaran berlaku di sepanjang musim tengkujuh yang dialami di antara November hingga Disember.

"Peningkatan harga ini berkait rapat penurunan jumlah pendaratan ikan akibat aktiviti turun ke laut yang terjejas akibat cuaca ekstrem dan laut bergelora.

"Aktiviti penangkapan ikan lebih terjejas dengan tempoh lebih panjang di perairan Pantai Timur ketika ini hingga penghujung bulan berbanding hanya berlaku dalam tempoh sekitar ti-



Harga ikan di pasaran meningkat antara 30 hingga 45 peratus susulan musim tengkujuh. (Foto Najmi Nor'Azam/BH)

ga hingga tiga minggu bulan lalu di Pantai Barat.

"Bekalan ikan dari Pantai Timur menyumbang sekitar 35 peratus kepada keseluruhan bekalan dalam pasaran, berbanding 55 peratus dari Pantai Barat dan selebihnya adalah ikan import," katanya.

Sebagai penyelesaian, Muhammad Faiz berkata, ketika musim Monsun Timur Laut, LKIM mempertingkatkan pergerakan bekalan ikan dari Pantai Barat ke Pantai Timur untuk menampung kekurangan



Muhammad Faiz Fadzil

di lokaliti itu, selain menyeimbangkan bekalan dengan sumber import.

"Oleh kerana situasi monsun ini berlaku setiap tahun dan boleh dijangka, penggiat industri membuat persediaan awal menyimpan stok bekalan dari sumber yang diperoleh pada Ogos hingga Oktober untuk me-

nampung kekurangan bekalan.

"Struktur pasaran terbuka dengan segmen pengguna yang pelbagai menyebabkan peserta industri dapat menyesuaikan kekurangan bekalan semasa mu-

sim tengkujuh melalui strategi kemasukan ikan import dan sejuk beku bagi spesies pilihan utama pengguna.

"Pada masa sama, kebebasan pengguna membuat pilihan untuk beralih kepada sumber protein, selain ikan turut memainkan peranan terhadap keseimbangan permintaan dan penawaran yang menyebabkan harga ikan di pasaran tidak mengalami kenaikan mendadak," katanya.

Beliau berkata, pada masa sama, harga ikan tidak dapat ditetapkan kerana ia bukan barangan kawalan seperti gula atau beras, sebaliknya dijual berdasarkan tahap kesegaran, lokasi serta spesies.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/12/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	7

Infografik 'ikan rakyat' bantu stabilkan harga

Puchong: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sedang membangunkan infografik pemakanan 'ikan rakyat' mengikut spesies bagi membantu orang ramai menyesuaikan pilihan mengikut musim serta menstabilkan harga pasaran.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil, berkata usaha itu bukan disebabkan sumber makanan laut berkenaan mahal akibat monsun serta kurang aktiviti penangkapan, tetapi berikutan kecenderungan ramai membeli ikan mengikut selera tanpa mengira musim.

"Pendaratan ikan dalam negara dipengaruhi aktiviti penangkapan ikan oleh nelayan. Keadaan itu turut bergantung faktor luar kawalan yang meliputi cuaca, musim, fasa bulan, pergerakan ikan dan lain-lain.

"Di negara ini, permintaan ikan tinggi berdasarkan lokasi

atau pengguna makan ikan yang digemarinya sahaja.

"Contoh orang di utara gemar ikan kembung, manakala masyarakat di Pantai Timur gemar makan ikan tongkol sepanjang tahun tanpa mengira musim, walaupun tangkapan berkurangan pada musim monsun yang sememangnya tahu bila berlaku," katanya kepada BH di Wisma LKIM, di sini.

Keadaan ini menimbulkan kebimbangan pengguna terhadap harga, meskipun Malaysia negara kaya dengan sumber dan biodiversiti laut serta banyak negeri mempunyai pesisir pantai luas.

Muhammad Faiz berkata, infografik berkenaan akan tersedia Januari ini dan diterbitkan di media sosial serta platform rasmi LKIM.

"Ada peniaga yang menyimpan bekalan ikan ketika banyak dan hanya mengeluarkannya ketika

stok kurang, menyebabkan harga naik tanpa sebab.

"Jadi dengan infografik ini, pengguna dapat membeli ikan yang disimpan dengan kaedah sejuk beku dan mengurangkan permintaan berlebihan terhadap satu spesies yang mana infografik ini mendidik pengguna membeli mengikut musim dan mempertimbangkan alternatif yang ada," katanya.

Mengulas mengenai harga ikan dikatakan meningkat di pasaran, Muhammad Faiz menjelaskan kapasiti pendaratan ikan sudah mencapai tahap optimum berdasarkan bilangan bot dan sumber yang sedia ada di laut.

"Data menunjukkan turun naik bekalan hanya berlaku sedikit yang tidak memberi kesan signifikan terhadap keseluruhan bekalan ikan dalam negara.

"Bekalan ikan dalam negara

bergantung kepada permintaan dan penawaran. Sektor tangkapan ikan juga bergantung kepada sumber yang tidak boleh diperbaharui.

"Bagaimanapun, sumber ikan dalam negara yang tidak konsisten dengan jumlah penduduk dalam negara yang semakin meningkat," katanya.

Katanya, Malaysia hanya mempunyai 80,000 nelayan, berbanding jumlah penduduk seramai 34 juta dengan 68,000 nelayan atau hampir 75 peratus adalah penangkap ikan pesisir pantai.

"Jumlah nelayan ini tidak mencukupi untuk menampung permintaan 'ikan rakyat' iaitu ikan bersaiz kecil seperti ikan kembung, selang dan ikan sardin.

"Disebabkan itu, banyak ikan rakyat kita import dari Thailand bagi keperluan bekalan dalam negara," katanya.

Selain itu, katanya sumber

ikan di laut secara semula jadi semakin berkurangan, menimbulkan cabaran tambahan dalam mengekalkan bekalan yang mencukupi.

"Berdasarkan statistik, pengeluaran ikan yang tidak berkembang selari bilangan penduduk mengakibatkan bekalan menjadi statik sekali gus menyebabkan jurang di antara permintaan dan penawaran semakin ketara hingga memberi tekanan kepada harga ikan di pasaran.

"Kesannya, penawaran dalam negara tidak dapat menampung sepenuhnya ke atas permintaan menyebabkan ketidakseimbangan berlaku pada bekalan dan harga ikan," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan rekod pendaratan ikan pada 2024, trend pengeluaran ikan menukai sekitar November hingga Februari yang mempengaruhi kenaikan harga ikan di pasaran.

Prepare plan of action to keep animals safe during floods

IN the past couple of days, heavy rain in several states nationwide has triggered landslides and floods, causing much suffering to both humans and animals (live-stock and pets).

It's heartening to note the quick action taken by the relevant government authorities and also NGOs to rescue and help the people affected by floods, providing shelter, food and medical supplies to them.

But I would like to highlight that floods also pose significant threats to animal welfare and safety. Looking at social media (video and photos) posts in the past few days, it is sad to note that very little is being done to help animals that are caught in floods.

It is indeed heart-wrenching to watch video clips of animals, both pets and livestock, being swept away by floodwater. Many of these animals end up dead due to drowning or injuries suffered during the ordeal.

To prevent further tragedies, the Department of Veterinary Services (DVS) should draw up an emergency flood evacuation protocol for animals.

Being the national guardian of animals in the country, DVS should consider coordinating with the relevant local government agencies and animal welfare NGOs to look at rescuing animals affected by floods, relocating them to shelters and providing them with food and medical aid.

The Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) has warned the public of more rain in the coming days and weeks. I hope the DVS will be proactive this time and take the necessary precautions and actions to prevent further pet and livestock deaths due to floods and landslides.

DVS should uphold its duties and responsibilities in ensuring the safety and welfare of the animals in the country during natural calamities.

Together with the relevant local government agencies, it should mobilise its manpower to visit flood-hit areas and offer professional and vet help to the affected livestock farmers and pet owners.

Wildlife will also be affected by floods. As such, I call upon the wildlife authorities to take the necessary actions to ensure the safety of these animals.

It's apparent from the high number of posts on flood-related livestock and pet deaths in social media that there is a need for the relevant authorities to create public awareness of pet and livestock safety during floods and other emergencies.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MULA SURAT
16/12/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	2

Ramai penternak tempatan tidak tumpu aspek pembiakbakaan

NUR HANIS



SHAH ALAM - Kebanyakan penternak tidak memberi tumpuan serius kepada aspek pembiakbakaan antara punca utama kekurangan lembu tempatan di negara ini.

Senior Eksekutif Bahagian Strategik Colla Cattle Farm di Kuala Selangor, Nur Hanis Ramlan berkata, meningkatkan populasi antara cabaran dihadapi industri ternakan lembu tempatan ketika ini menyebabkan Malaysia masih bergantung lebih 80 peratus import dari luar negara.

"Kalau kita lihat di negara ini, sukar untuk menemui program pembiakbakaan atau *breeding* yang benar-benar lama dan stabil.

Kebanyakan penternak menjalankan aktiviti lembu secara *trading*.

"Jarang kita dengar penternak

yang betul-betul fokus kepada pembiakbakaan lembu dari kecil sehingga boleh dijual semula ke pasaran secara konsisten," ujarnya kepada *Sinar Harian* di sini pada Isnin.

Menurut beliau, kekurangan sumber ternakan lembu tempatan pada jangka masa panjang akan menyebabkan industri tersebut terus bergantung kepada import lembu dari negara luar seperti Australia dan Thailand.

"Walaupun kita ada penternak tempatan yang menjalankan aktiviti ini, tapi bilangan lembu dihasilkan masih tidak mampu memenuhi permintaan daging segar di pasaran," katanya.

Nur Hanis menjelaskan, antara kekangan utama yang menyebabkan usahawan sukar menceburi bidang ternakan lembu ini secara menyeluruh adalah kerana kos yang tinggi di-

sebabkan ia memerlukan pelaburan besar namun tempoh pulangan yang panjang.

Beliau bagaimanapun mengakui kerajaan memainkan peranan dalam program pembiakbakaan lembu, namun pelaksanaannya masih belum konsisten dan berdepan isu kestabilan jangka panjang.

"Kerajaan memang telah menyediakan program berkaitan pembiakan dan turut memberi bantuan ternakan kepada penternak yang berkelayakan. Cuma masalahnya adalah pelaksanaan yang tidak konsisten," katanya.

Bagaimanapun, ujarnya, isu sebenar bukan terletak pada ketiadaan subsidi sebaliknya aspek keupayaan teknikal dan kepakaran dalam memastikan program pembiakan dapat berkembang secara berterusan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/12/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Banjir termenung paksa petani angkut kelapa guna sampan

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamulla.com.my

BAGAN DATUK: Pekebun Kampung Tebuk Buluh di Sungai Nipah dekat sini terpaksa mengupah pekerja untuk mengangkut buah kelapa tua menggunakan sampan dalam banjir termenung yang berlarutan lebih sebulan.

Seorang pekebun kelapa, Mohd. Sofian Zulkili, 32, berkata, kawasan kebun kelapa yang masih mengalami banjir termenung di kampungnya seluas lebih 24 hektar.

Menurutnya, buah kelapa yang lama terendam dalam air akan membusuk dan tidak boleh dijual atau diproses untuk santan atau minyak masak jika tidak dialihkan.

"Dalam keadaan biasa, buah kelapa diangkut menggunakan traktor dari dalam kebun namun disebabkan banjir, saya tiada pilihan lain selain mengutip kelapa dan diangkut menggunakan sampan. Buah yang terendam dalam air dimasukkan ke dalam sampan.

"Sampan yang sarat dengan kelapa ditarik menggunakan tenaga manusia sejauh 400 meter dari dalam kebun ke kawasan yang kering sebelum dimuatkan ke dalam traktor dan dihantar ke kilang memproses.

"Biasanya kerja mengambil mengangkut kelapa mengguna-



PEKEBUN menarik sampan yang diisi buah kelapa dalam banjir termenung di Sungai Nipah di Bagan Datuk, Perak. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

kan sampan bermula dari pagi hingga ke petang. Sekali tarik dapat kira-kira 100 biji dimuatkan dalam sampan. Kalau terlalu berat, sukar untuk ditarik menggunakan tenaga manusia," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mengenai banjir termenung yang sudah sebulan, Mohd. Sofian mendakwa masalah itu disebabkan parit utama tidak

dikorek pada kedalaman mencukupi di samping rumput, sampah, ranting kayu dan batang kelapa tumbang dalam saliran itu menyebabkan air tidak dapat mengalir keluar ke kunci air berdekatan.

"Saya percaya banjir di sini bukan kerana paras air laut tinggi tetapi puncanya air lambat mengalir keluar di kunci air kerana

parit utama tidak dikorek dalam, selain membuatkan air tidak boleh mengalir dengan cepat.

"Parit-parit di dalam kebun tidak menjadi masalah kerana walaupun dipenuhi semak, sampah, batang kelapa dan batang pisang dan air tetap akan mengalir keluar jika parit utama didalamkan dengan sempurna," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/12/2025	SINAR HARIAN	MUKA HADAPAN	1



SUARA RAKYAT

Sinar Harian

LEMBU SEDIA ADA
886,000 ekor
 SASARAN 2040
Lebih 3 juta ekor

Malaysia tak cukup lembu

MALAYSIA memerlukan lebih tiga juta ekor lembu menjelang 2040 bagi memenuhi keperluan daging domestik, namun industri ternakan tempatan masih bergelut untuk meningkatkan jumlah ternakan.

Rata-rata penternak pula mengakui berdepan beberapa kekangan termasuk kenaikan kos makanan terutama dedak, kemasukan lembu import yang tidak terkawal, tempoh pulangan lama dan kekurangan fokus terhadap program pembiakbakaan, sekali gus menyebabkan negara masih bergantung lebih 80 peratus kepada import.

Mukasurat 2 & 3

TARIKH	MEDIA	RUANGSAN	MUKA SURAT
16/12/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	3

Cadangan mampu gandakan tahap sara diri daging negara

KUALA LUMPUR - Malaysia perlu segera mengoptimumkan penggunaan kira-kira 5.7 juta hektar ladang sawit sedia ada kepada amalan integrasi lembu tempatan baka Kedah-Kelantan (KK) bagi meningkatkan tahap sara diri (SSL) daging lembu negara.

Pensyarah Kanan Jabatan Sains Haiwan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Dr Frisco Nobilly berkata, berdasarkan hasil kajian bersama UPM, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), strategi tersebut akan menjimatkan kos menampung makanan lembu ternakan sekiranya menggunakan sistem fidlot intensif untuk jangka masa panjang.

"Menurut kajian tersebut, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dan FGV Holdings Berhad serta SD Guthrie boleh hasilkan minyak sawit dan bekalan daging

Segerakan integrasi di ladang sawit

HARGA LEMBU TEMPATAN DI PASARAN (2025)

KATEGORI	JULAT HARGA	KETERANGAN
Lembu hidup tempatan (ladang / ex-farm)	RM17 - RM22 /kg	Harga di peringkat ladang, bergantung berat, baka dan lokasi
Anggaran harga seekor lembu (300 - 350 kg)	RM5,100 - RM7,700	Berdasarkan berat hidup lembu
Lembu korban (seekor)	RM5,500 - RM7,500	Harga bermusim, biasanya meningkat menjelang Aidiladha
Lembu korban (1 bahagian / 1 per 7)	RM800 - RM1,000	Bergantung saiz dan berat lembu
Daging lembu tempatan (siap dipotong)	RM34 - RM38 /kg	Harga runcit di pasar awam / pasar tani

* Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Malaysia / Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)

merah daripada satu unit kawasan yang sama.

"Syarikat perladangan juga jimat kos meracun tumbuhan rumpai yang se-

makin tinggi apabila lembu ternakan digunakan untuk mengawal rumpai secara biologi dan mesra alam.

"Sistem ragutan bergilir boleh dilaksanakan dengan mengguna-

kan pagar elektrik bergerak. Nisbah ternakan dapat ditingkatkan daripada seekor lembu bagi setiap empat hektar kepada seekor lembu bagi setiap hektar ladang sawit," jelasnya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Ujar Frisco, sekiranya 30 peratus keluasan ladang sawit seluruh Malaysia mengamalkan integrasi secara sistematik, bilangan lembu yang boleh ditampung sebanyak 1.71 juta ekor, iaitu lebih dua kali ganda berbanding kini.

"Maka SSL daging lembu negara dijangka naik dua kali ganda secara kasar dengan hanya melakukan optimasi guna tanah ladang sawit sebanyak 30 peratus.

"Bayangkan kalau boleh ditingkatkan kepada 50 peratus optimasi guna tanah ladang sawit, kesan yang sangat positif akan berlaku kepada SSL negara," katanya.

LAPORAN MUKA DEPAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/12/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	3

Kerajaan disaran urus pembiakan baka lembu

ALOR SETAR – Penternak tempatan menyarankan agar kerajaan memainkan peranan utama dalam pembiakan baka lembu bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan di Malaysia.

Hayatullah Ibrahim, 39, yang merupakan Pembantu Pengurus Tenang Agro Farm berkata, langkah itu lebih baik kerana pembiakan baka memerlukan kapasiti besar, kos makanan yang tinggi serta berdepan risiko kematian ternakan pada peringkat awal.

"Kerajaan akan menguruskan pembiakan baka, manakala usahawan menumpukan kepada pembesaran ternakan itu. Sebagai contoh, kerajaan boleh mengeluarkan benih ternakan melalui program pembiakan baka, kemudian penternak membeli anak lembu tersebut untuk dibesarkan.

"Kaedah ini lebih berkesan kerana kerajaan mempunyai keupayaan mengawal kos dan memahami keperluan makanan ternakan," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Isnin.

Jelas Hayatullah, pendekatan itu juga tidak akan mengganggu pasaran kerana pembiakan dilakukan dalam skala terhad dan berfasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/12/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	3

Minat membela lembu semakin merosot

SHAH ALAM - Industri ternakan lembu di negara ini berdepan cabaran apabila ada penternak semakin kurang minat untuk meneruskan aktiviti mereka disebabkan tekanan kenaikan kos makanan haiwan tersebut.

Penternak lembu, Mohamad Syahir Syazwan Zakaria, 30, dari Kota Bharu berkata, peningkatan harga dedak sejak dua tahun kebelakangan ini menyebabkan ramai penternak tidak lagi sanggup menanggung kos membela lembu sehingga tempoh matang.

Sebaliknya, mereka hanya membeli ternakan untuk tujuan sembelihan.

"Dua ke tiga tahun lepas, lembu induk seberat kira-kira 600 kilogram boleh dijual RM10,000 hingga RM20,000 seekor. Tapi sekarang harga lembu jatuh dan tak setimpal dengan kos membela," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Beliau berkata, situasi itu juga menyebabkan jumlah penternak lembu di kampung-

kampung menyusut ketara, malah beliau sendiri mengurangkan jumlah ternakan daripada 30 hingga 40 ekor kepada sekitar 20 ekor sahaja.

Seorang lagi penternak, Nur Qayyum Niza Abdul Rahim, 32, dari Seremban mendakwa, kemaskin lembu import yang tidak terkawal merupakan antara faktor utama menekan industri ternakan tempatan.

"Jila terlalu banyak lembu import yang masuk, harga lembu tempatan akan jatuh yang akhirnya

menyebabkan ramai penternak kecil tak mahu lagi teruskan sebab tak berbaloi.

"Keadaan itu mendorong mereka memilih jalan mudah dengan membawa masuk lembu dari luar saja seperti Thailand yang harganya jauh lebih murah," katanya.

Seorang lagi penternak S Ganesh, 36, juga dari Seremban, berkata, walaupun kerajaan ada menyediakan bantuan, namun banyak kareh birokrasi menyebabkan



Muhammad Amirul bersama baka lembu sado yang pernah dipeliharanya sebelum ini.

orang muda tak minat jadi penternak.

Sementara Muhammad Amirul Ibrahim, 39, dari Kuala Nerus berkata, harga dedak asas yang meningkat kepada sekitar RM60 bagi setiap 50 kilogram ketika ini memberi kesan kepada penternak lembu skala kecil sepertinya.

"Bagi penternak kecil seperti saya yang memelihara 20 hingga 25 ekor lembu, kos makanan dalam sehari boleh mencecah kira-kira RM240 dan perlu diberi sebanyak dua kali.

"Masalahnya, harga daging lembu rendah tetapi harga makanan ternakan masih sama. Kita bukan peniaga besar, jadi kos ini sangat membebankan," katanya.

Menurut beliau, bekalan lembu tempatan juga semakin berkurangan menyebabkan ramai penternak terpaksa mendapatkan lembu fidlot dari Thailand.

"Bila kita kaji mengapa lembu Thailand banyak, kita dapati kerajaan mereka banyak membantu penternak dari segi kos makanan dan perkhidmatan veterinar," ujarnya.



NUR QAYYUUM



S GANESH

Peniaga kecil 'jantung' ekonomi yang semakin tenat



AMIR HUSSIEN

SETIAP kali data ekonomi diumumkan, negara disajikan dengan angka pertumbuhan yang kelihatan meyakinkan. Laporan rasmi menunjukkan ekonomi berkembang dengan kadar stabil, pelaburan asing terus masuk dan beberapa sektor utama kembali pulih.

Namun apabila melihat kehidupan sebenar peniaga kecil di bandar dan luar bandar, gambaran itu tidak sepenuhnya dirasakan oleh mereka. Golongan ini masih bergelut dengan pelbagai tekanan yang semakin menekan setiap bulan.

Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia bagi 2024, sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana menyumbang nilai tambah sebanyak RM652.4 bilion. Jumlah ini mewakili 39.5 peratus daripada keseluruhan ekonomi negara.

Dalam masa sama, sektor ini menggaji lebih 8.10 juta rakyat. Angka ini jelas menunjukkan peniaga kecil bukan sekadar kelompok pinggiran tetapi merupakan bahagian penting dalam kestabilan ekonomi negara. Tanpa mereka, rantaian ekonomi rakyat tidak akan bergerak.

Namun kehidupan mereka tidak semudah angka yang tertera di laporan. Inflasi negara pada Ogos lalu berada pada sekitar 1.3 peratus tetapi kategori makanan dan minuman mencatat kenaikan lebih tinggi iaitu sekitar 2 peratus. Keadaan ini memberi kesan langsung kepada peniaga kecil yang bergantung kepada bahan mentah setiap hari.

Harga ayam, ikan, sayur dan bawang berubah hampir setiap minggu. Ada yang naik sedikit tetapi kerap sehingga kos harian meningkat lebih cepat daripada pendapatan.

Bagi peniaga makanan, kenaikan kos ini amat membebankan. Margin keuntungan mereka sudah pun kecil. Jika dinaikkan harga, pelanggan mungkin berkurang. Jika harga dikekalkan, keuntungan semakin mengecil. Inilah dilema harian yang mereka



EKONOMI hanya benar bermakna apabila peniaga kecil turut menikmati faedah pertumbuhan.

hadapi.

Keadaan ini berlaku walaupun ekonomi negara dilapor berkembang 5.2 peratus pada suku ketiga 2025. Pertumbuhan itu nyata belum turun kepada peniaga kecil.

Sewa kedai pula meningkat dari tahun ke tahun. Caj utiliti seperti elektrik dan air terus menambah tekanan. Walaupun ada pelarasan tarif elektrik, namun peniaga kecil tetap berada dalam kategori komersial yang memerlukan penggunaan sepanjang hari. Kos penghantaran bahan mentah pula bergantung kepada harga minyak dan caj logistik semasa. Semua ini digabungkan menjadi beban berat yang ditanggung setiap bulan.

Dalam banyak keadaan, peniaga kecil tidak memerlukan modal besar untuk memulakan langkah ke depan. Mereka hanya memerlukan modal pusingan kecil sekitar RM2,000 hingga RM10,000 untuk membeli stok, memperbaiki peralatan atau menampung aliran tunai.

Namun proses mendapatkan pembiayaan mudah menjadi panjang dan memenatkan. Dalam keadaan kos sara hidup yang tinggi, peniaga kecil memerlukan pentadbiran yang lebih mesra, bukan tambahan beban. Keadaan ini ditambah pula

kecil bekerja berdasarkan rekod jualan harian melalui bayaran tunai atau digital. Rekod ini sebenarnya sudah boleh menunjukkan kemampuan mereka tetapi belum diiktiraf sepenuhnya.

Di samping modal, masalah akses pasaran juga menjadi halangan besar. Ramai peniaga kecil menghasilkan produk yang baik seperti sambal, pes masakan, kuih tradisional, kopi tempatan dan makanan sejuk beku. Walaupun produk ini berkualiti, peluang untuk diletakkan di rak pasar raya besar masih tipis.

Prosedur rumit, kos pemasaran tinggi dan keberagutan kepada jenama besar menyebabkan produk peniaga kecil tidak mendapat peluang sewajarnya. Akhirnya mereka kekal dalam pasaran sempit walaupun berpotensi besar.

Masalah pelesenan juga masih membebankan. Ada peniaga perlu berulang kali ke pejabat pihak berkuasa tempatan (PBT) hanya untuk mendapatkan satu kelulusan.

Proses yang sepatutnya mudah menjadi panjang dan memenatkan. Dalam keadaan kos sara hidup yang tinggi, peniaga kecil memerlukan pentadbiran yang lebih mesra, bukan tambahan beban. Keadaan ini ditambah pula

dengan masalah rantaian bekalan yang panjang. Harga bahan mentah meningkat kerana terlalu banyak lapisan orang tengah. Peniaga kecil terpaksa membeli pada harga lebih tinggi walaupun harga asas sebenarnya tidak setinggi itu. Akibatnya mereka terpaksa menaikkan harga jualan dan pelanggan pula mempersoalkan kenaikan tersebut. Sedangkan puncanya bukan pada peniaga tetapi pada sistem yang tidak seimbang.

PENYELESAIAN

Penyelesaian kepada semua masalah ini tidak memerlukan perbelanjaan besar. Banyak boleh dilakukan dengan pendekatan praktikal yang memfokuskan peniaga kecil sebagai bahagian terpenting dalam ekonomi negara. Kos operasi peniaga kecil boleh diringankan melalui rebat utiliti bersasar. Proses pelesenan boleh dipermudahkan melalui sistem penyelaras satu pintu supaya peniaga tidak lagi menghabiskan masa ke pejabat yang berbeza.

Pembiayaan mikro pula perlu lebih mudah. Rekod jualan digital yang digunakan oleh kebanyakan peniaga seperti pembayaran QR dan sistem jualan tanpa tunai

sudah mencukupi untuk memberi gambaran sebenar aliran tunai mereka.

Jika bank dan institusi kewangan mengiktiraf data ini sebagai syarat kelayakan, maka proses pinjaman kecil boleh diluluskan lebih cepat dan lebih tepat. Ruang pasaran juga perlu dibuka lebih luas. Sementara pasar raya besar boleh diwajibkan meletakkan bahagian khusus produk mikro tempatan agar peniaga kecil diberi peluang yang adil.

Pembelian rasmi kerajaan boleh memberi keutamaan kepada produk tempatan untuk program bantuan, jamuan dan acara rasmi. Ini boleh meningkatkan aliran jualan peniaga kecil dengan segera.

Bangunan kerajaan atau aset yang tidak digunakan boleh dijadikan pusat sokongan peniaga kecil seperti pusat pembungkusan, dapur komersial atau bilik sejuk. Dengan adanya kemudahan ini, peniaga kecil dapat meningkatkan standard produk tanpa perlu menanggung kos modal tinggi.

Akhirnya, penstrukturan rantaian bekalan perlu diberi perhatian. Pusat borong daerah yang dikendalikan agensi kerajaan boleh membantu peniaga kecil mendapatkan barang pada harga yang lebih rendah dan lebih telus.

Langkah ini memberi ruang kepada mereka untuk bernafas dan mengurangkan keberagutan kepada orang tengah.

Kesimpulannya, peniaga kecil adalah 'jantung' ekonomi rakyat. Mereka membuka pintu kedai setiap pagi, bekerja lebih masa dan menyara keluarga dengan penuh harapan. Selagi mereka terhidup, ekonomi negara tidak akan stabil. Sebaliknya, apabila mereka diperkasakan, seluruh negara akan merasai manfaatnya.

Malaysia tidak boleh terus bergantung kepada angka makro semata mata. Ekonomi hanya benar bermakna apabila peniaga kecil turut menikmati faedah pertumbuhan. Fokus kita perlu jelas dan tindakan perlu dimulakan sekarang.

DATUK Seri Amir Hussien ialah penuntut tahun akhir Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Pengajian Perniagaan, Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Universiti Utara Malaysia (UUM).